

KATA PENGANTAR

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W

Saya bersyukur kepada Allah, kerana dengan izinnya Majlis Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah (MAKDIS) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1979 oleh Pengarah Bahagian Pelajaran Agama, Tuan Haji Nik Mohyideen Bin Musa dapat direalisasikan dengan sempurnanya pada tahun 2006.

Dengan Penyusunan semula struktur Organisasi JAPIM pada bulan Oktober 1995, MAKDIS yang diletakkan di bawah Bahagian Dakwah dan Kepimpinan dengan rasminya dikenali dengan nama Majlis Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah yang berfungsi menyelaras semua kegiatan Dakwah dan Ko-kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Menengah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia seluruh negara.

Majlis ini bukan sahaja merupakan penggerak di peringkat pusat tetapi juga menjadi rangkaian penyelarasan di peringkat negeri, daerah dan sekolah terhadap semua program dan aktiviti yang berkaitan dengan Pendidikan Islam di sekolah.

Buku panduan ini diharap dapat membantu guru-guru Pendidikan Islam yang berada di sekolah khasnya dan Jabatan Pelajaran Negeri dan Daerah amnya dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut dengan mudah dan seragam seluruh negara sesuai dengan hasrat dan matlamat pendidikan negara untuk melahirkan pelajar yang beriman, beramal, beradab dan berakhlak mulia.



Haji Dangiran B. Haji Mustapa
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
Kementerian Pelajaran Malaysia.

Buku Panduan Pengurusan Majlis Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah (MAKDIS)

1. PENDAHULUAN

MAKDIS adalah sebuah majlis yang terletak di bawah fungsi Bahagian Dakwah dan Kepimpinan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia. Fungsi MAKDIS adalah sebagai penyelarasan kepada semua kegiatan ko-kurikulum Pendidikan Islam dalam bidang dakwah dan kepimpinan yang dilaksanakan di seluruh Sekolah Rendah dan Menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

2. KONSEP

- 2.1 MAKDIS berfungsi merancang dan menyelaras kegiatan dakwah Islamiah yang merangkumi aktiviti Dakwah dan Kokurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah.
- 2.2 Kegiatan dakwah menjadi kegiatan ko-kurikulum Pendidikan Islam sebagaimana yang ditentukan dibawah kuasa menteri.
- 2.3 Ko-kurikulum bermaksud apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah.
- 2.4 Kegiatan ko-kurikulum mengandungi penyertaan dalam sukan dan permainan, persatuan dan kelab, penyertaan badan beruniform dan lain-lain kegiatan yang ditentukan oleh Menteri.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 Majlis Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah (MAKDIS) atau juga dikenali sebagai MAKUS (Majlis Kegiatan Agama Sekolah-Sekolah) telah ditubuhkan pada tahun 1979 oleh Bahagian Pelajaran Agama Kementerian Pendidikan dengan pekeliling Bil, KP.5206/133 (44) bertarikh 21 Mac 1979 yang ditandatangani oleh Pengarah Bahagian Pelajaran Agama Ustaz Haji Nik Mohyideen Musa.
- 3.2 Mengikut Penyusunan semula struktur organisasi JAPIM pada bulan Oktober 1995, bahawa antara fungsi Bahagian Dakwah dan Kepimpinan JAPIM ialah merancang dan menyelaras Majlis Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah (MAKDIS) seluruh negara.

4. OBJEKTIF

- 4.1 Merancang semua aktiviti ko-kurikulum Pendidikan Islam dalam bidang dakwah dan kepimpinan di semua peringkat.
- 4.2 Menyelaras dan melaksana semua aktiviti ko-kurikulum Pendidikan Islam dalam bidang dakwah dan kepimpinan di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.
- 4.3 Memastikan aktiviti Pendidikan Islam dalam bidang dakwah dan kepimpinan dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

5. STRUKTUR ORGANISASI

Struktur organisasi pengurusan MAKDIS wujud di peringkat pusat, negeri, daerah dan sekolah:

5.1 AHLI JAWATANKUASA MAKDIS PERINGKAT PUSAT

| | | |
|-----------------|---|---|
| PENASIHAT | : | Menteri Pelajaran Malaysia |
| PENGERUSI | : | Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia |
| TIM. PENERUSI | : | Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Jabatan Pendidikan Islam dan Moral |
| SETIAUSAHA | : | Pengarah Bahagian Dakwah dan Kepimpinan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral |
| PEN. SETIAUSAHA | : | Penolong Pengarah (Ketua Unit) Bahagian Dakwah dan Kepimpinan |
| JAWATANKUASA | : | Semua Pengarah Pelajaran Negeri/ Semua Ketua Sektor Pengurusan, Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pelajaran Negeri dan Wilayah Persekutuan. |

5.2 AHLI JAWATANKUASA MAKDIS PERINGKAT NEGERI

| | | |
|-----------------|---|--|
| PENASIHAT | : | Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia |
| PENGERUSI | : | Pengarah Pelajaran Negeri |
| NAIB PENGERUSI | : | Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri |
| SETIAUSAHA | : | Ketua Sektor Pendidikan Islam dan Moral Jabatan Pelajaran Negeri |
| PEN. SETIAUSAHA | : | Penolong Pengarah Dakwah Negeri |
| JAWATANKUASA | : | Penolong Pengarah Pengurusan Sektor Pendidikan Islam dan Moral Negeri. Penolong Pegawai-Pegawai Pelajaran Daerah Pendidikan Islam dan Moral. Penyelia Kanan & Penyelia Pendidikan Islam dan Moral |

Bagi negeri yang tiada Pejabat Pelajaran Daerah hendaklah melantik AJK dari kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) mengikut kesesuaian.

5.3 AHLI JAWATANKUASA MAKDIS PERINGKAT DAERAH

| | | |
|-------------------------------------|---|--|
| PENASIHAT | : | Pengarah Pelajaran Negeri |
| PENGERUSI | : | Pegawai Pelajaran Daerah / Pegawai Pendidikan Gabungan. |
| NAIB PENGERUSI | : | Ketua Penolong Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah / Pen. Pegawai Pelajaran Daerah (Akademik). |
| SETIAUSAHA | : | Penolong Pegawai Pelajaran Daerah / Penyelia Kanan Pendidikan Islam dan Moral |
| PEN. SETIAUSAHA | : | Penyelia Pendidikan Islam Daerah |
| PENYELARAS KEWANGAN | : | Penyelia Kanan Pembangunan |
| JAWATANKUASA (10 orang dilantik) | : | Pengetua / Guru Besar (Dilantik) Ketua Panitia Pendidikan Islam / Guru Pendidikan Islam (Dilantik) |

5.4 AHLI JAWATANKUASA MAKDIS PERINGKAT SEKOLAH

| | | |
|----------------------------------|---|--|
| PENASIHAT | : | Pegawai Pelajaran Daerah |
| PENGERUSI | : | Pengetua / Guru Besar |
| TIM. PENERUSI | : | Penolong Kanan Kurikulum |
| NAIB PENERUSI I | : | Penolong Kanan Hal Ehwal Murid |
| NAIB PENERUSI II | : | Penolong Kanan Kokurikulum / GKMP |
| SETIAUSAHA | : | Ketua Panitia Pendidikan Islam |
| PENYELARAS KEWANGAN | : | Guru Pendidikan Islam (GPI) |
| PENYELARAS DAKWAH | : | Guru Pendidikan Islam (GPI) |
| JAWATANKUASA (10 orang dilantik) | : | Guru Pendidikan Islam Guru-guru Islam |

Atau (Bagi sekolah-sekolah yang Pengetua / Guru Besar bukan Muslim)

6. SENARAI TUGAS**6.1 PANDUAN TUGAS AHLI JAWATANKUASA MAKDIS PERINGKAT NEGERI :**

1. Penasihat
 - Bertanggungjawab untuk memberi nasihat terhadap pengurusan MAKDIS
2. Pengerusi:
 - Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan perjalanan MAKDIS.
 - Memantau aktiviti MAKDIS.
 - Menerima waran peruntukan daripada JAPIM.
 - Mengagihkan peruntukan ke daerah.
 - Mempengerusi dan mengendalikan mesyuarat MAKDIS.
 - Menghantar laporan pemantauan dan pelaksanaan MAKDIS kepada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral KPM.
3. Timbalan Pengerusi
 - Membantu dalam pengurusan dan perjalanan MAKDIS.
 - Membantu memantau aktiviti MAKDIS.
 - Mempengerusi dan mengendalikan mesyuarat MAKDIS ketika ketiadaan Pengerusi.
4. Setiausaha:
 - Merekod dan menyimpan surat-surat pekeliling berkaitan dengan MAKDIS.
 - Menyediakan agenda-agenda untuk semua mesyuarat MAKDIS.
 - Mencatat minit-minit dalam mesyuarat MAKDIS.
 - Membentang minit-minit dalam mesyuarat MAKDIS.
 - Mengurus semua surat keluar masuk MAKDIS.
 - Menerima laporan dan dokumentasi setiap program MAKDIS daripada daerah.
 - Mengumpul dan merumus laporan dan dokumentasi setiap program MAKDIS.
 - Menjalankan arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.

5. Pen. Setiausaha:
 - Membantu tugas-tugas Setiausaha
 - Menjalankan tugas kesetiausahaan semasa ketiadaan Setiausaha
6. Ahli Jawatankuasa Kecil
 - Melaksanakan tugas-tugas mengikut bidang-bidang yang ditentukan

6.2 PANDUAN TUGAS AHLI JAWATANKUASA MAKDIS PERINGKAT DAERAH :

1. Penasihat
 - Bertanggungjawab untuk memberi nasihat terhadap pengurusan MAKDIS
2. Pengerusi:
 - Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan perjalanan MAKDIS.
 - Memantau aktiviti MAKDIS.
 - Menerima waran peruntukan daripada Jabatan Pelajaran Negeri.
 - Mengagihkan peruntukan kepada sekolah.
 - Mempengerusi dan mengendalikan mesyuarat MAKDIS.
 - Menghantar laporan pemantauan dan pelaksanaan MAKDIS kepada Jabatan Pelajaran Negeri.
3. Timbalan Pengerusi
 - Membantu dalam pengurusan dan perjalanan MAKDIS.
 - Membantu memantau aktiviti MAKDIS.
 - Mempengerusi dan mengendalikan mesyuarat MAKDIS ketika ketiadaan Pengerusi.
4. Setiausaha:
 - Merekod dan menyimpan surat-surat pekeliling berkaitan dengan MAKDIS.
 - Menyediakan agenda-agenda untuk semua mesyuarat MAKDIS.
 - Mencatat minit-minit dalam mesyuarat MAKDIS.
 - Membentang minit-minit dalam mesyuarat MAKDIS.

- Mengurus semua surat keluar masuk MAKDIS.
 - Menyediakan laporan dan dokumentasi setiap program MAKDIS daripada daerah.
 - Menjalankan arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.
5. Pen. Setiausaha:
 - Membantu tugas-tugas Setiausaha
 - Menjalankan tugas kesetiausahaan semasa ketiadaan Setiausaha
 6. Penyelaras Kewangan
 - Menerima peruntukan kewangan daripada Jabatan Pelajaran Negeri
 - Mengagihkan peruntukan kewangan yang diterima kepada sekolah
 - Menyediakan laporan perbelanjaan.
 7. Ahli Jawatankuasa Kecil
 - Melaksanakan tugas-tugas mengikut bidang-bidang yang ditentukan.

6.3 PANDUAN TUGAS AHLI JAWATANKUASA MAKDIS PERINGKAT SEKOLAH :

1. Penasihat
 - Bertanggungjawab untuk memberi nasihat terhadap pengurusan MAKDIS
2. Pengerusi:
 - Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan perjalanan MAKDIS.
 - Memantau aktiviti MAKDIS.
 - Menerima dan melaksanakan perjalanan kewangan MAKDIS.
 - Melantik AJK MAKDIS.
3. Timbalan Pengerusi
 - Membantu pengurusan dan perjalanan MAKDIS.
 - Membantu memantau aktiviti MAKDIS.
 - Mempengerusi dan mengendalikan mesyuarat MAKDIS ketika ketiadaan Pengerusi.

4. Naib Pengerusi I:
 - Membantu bertanggungjawab terhadap pengurusan dan perjalanan MAKDIS.
 - Membantu memantau aktiviti MAKDIS.
 - Mmpengerusi dan mengendalikan mesyuarat MAKDIS ketika ketiadaan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.
5. Naib Pengerusi II:
 - Membantu bertanggungjawab terhadap pengurusan dan perjalanan MAKDIS.
 - Membantu memantau aktiviti MAKDIS.
 - Mmpengerusi dan mengendalikan mesyuarat MAKDIS ketika ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Naib Pengerusi I.
6. Setiausaha:
 - Merekod dan menyimpan surat-surat pekeliling berkaitan dengan MAKDIS.
 - Menyediakan agenda-agenda untuk semua mesyuarat MAKDIS.
 - Mencatat minit-minit dalam mesyuarat MAKDIS.
 - Membentang minit-minit dalam mesyuarat MAKDIS.
 - Mengurus semua surat keluar masuk MAKDIS.
 - Menyediakan laporan dan dokumentasi setiap program MAKDIS.
 - Menjalankan arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.
7. Penyelaras Kewangan
 - Mengurus dan merekod perbelanjaan yang diperuntukan oleh pihak Kementerian.
 - Menyediakan laporan perbelanjaan.
8. Penyelaras aktiviti MAKDIS
 - Menyusun Ahli jawatankuasa Kecil (AJK) pelaksana mengikut kesesuaian aktiviti
 - Menyediakan jadual aktiviti.
 - Memastikan semua peralatan yang diperlukan untuk aktiviti berada dalam keadaan yang baik.
 - Menyelarar perjalanan aktiviti.
 - Memastikan perjalanan aktiviti lancar.

9. Ahli Jawatankuasa Kecil
 - Melaksanakan tugas-tugas mengikut bidang-bidang yang ditentukan.

7. BIDANG PENYELARASAN

Fungsi MAKDIS adalah untuk menyelarar aktiviti ko-kurikulum Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah-sekolah. Bidang penyelarasan aktiviti ini adalah seperti berikut :

1. Persatuan Pelajar Islam / Persatuan Mata Pelajaran Pendidikan Islam.
2. Sambutan hari kebesaran Islam.
3. Majlis ilmu / usrah.
4. Festival nasyid.
5. Majlis Tadarus al-Quran / Ihtifal.
6. Kempen nilai-nilai murni.
7. Kem pengukuhan kerohanian.
8. Aktiviti ko-kurikulum merentas kurikulum (AKMK)
9. Pengukuhan Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA)
10. Kegiatan Kebajikan.

7.1 SENARAI CONTOH AKTIVITI KO-KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

1. Persatuan Pelajar Islam / Persatuan Mata Pelajaran Pendidikan Islam
 - Mesyuarat
 - Pengurusan aktiviti
2. Sambutan hari kebesaran Islam
 - Maal Hijrah
 - Israk Mikraj
 - Ihya' Ramadhan
 - Nuzul al-Quran
 - Aidil Fitri
 - Aidil Adha
3. Majlis ilmu / usrah.
 - Usrah murid
 - Usrah pelajar

4. Festival nasyid.
 - Peringkat Sekolah
 - Kursus penggunaan peralatan nasyid (gendang)
 - Latihan nasyid / vokal
5. Majlis Tadarus al-Quran / Ihtifal.
 - + Sekolah Menengah SMKA / KKQ
 - Tilawah al-Quran
 - Hafazan
 - Syarahan
 - Ihtifal Bahasa Arab
 - + Sekolah Menengah
 - Tilawah al-Quran
 - Hafazan
 - Syarahan
 - + Sekolah Rendah
 - Tilawah al-Quran
 - Hafazan
 - Bercerita kisah al-Quran
 - + Sekolah Rendah (j-QAF)
 - Tilawah al-Quran
 - Hafazan
 - Bercerita kisah al-Quran
 - Kem Bestari Solat
 - Mihrajan Bahasa Arab
 - Kelab Seni Khat tulisan jawi
 - Ikhtifal khatam al-Quran
6. Kempen nilai-nilai murni.
 - Kempen menutup aurat
 - Kempen memberi salam
 - Kempen berbudi bahasa
 - Kempen tepati waktu

7. Kem pengukuhan kerohanian.
 - Kem pemantapan solat
 - Kem kepimpinan Islam
 - Kem pemantapan akhlak
 - Kem pengurusan jenazah
 - Kem bestari solat
8. Aktiviti ko-kurikulum merentas kurikulum (AKMK)
 - Khat
 - Menjawab teks rumi
 - Selawat kompiang
 - Hafazan doa harian
 - Terjemahan surah
 - Azan dan iqamah
 - Khutbah
9. Pengukuhan Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA)
 - Kem PAFA
 - Amali wuduk
 - Amali solat
 - Aktiviti lain (rujuk buku panduan PAFA)
10. Kegiatan Kebajikan.
 - Gotong-royong
 - Derma
 - Ziarah
 - Skim wakaf

8. PROGRAM DAN AKTIVITI

Semua aktiviti dakwah dan kepimpinan yang dilaksanakan mengikut peringkat-peringkat (Kebangsaan, Negeri, Daerah dan Sekolah). Berikut dinyatakan format takwim yang perlu disediakan dan contoh aktiviti.

KATEGORI SEKOLAH RENDAH**TAKWIM PROGRAM MAKDIS YANG DIPERTANDINGKAN**

| BIL | AKTIVITI | SEKOLAH | DAERAH | NEGERI | KEBANGSAAN |
|-----|----------------------------------|---------|--------|--------|------------|
| 1 | MAJLIS TADARUS AL-QURAN | / | / | / | / |
| 2 | FESTIVAL NASYID | / | / | / | / |
| 3 | TULISAN JAWI / KHAT | / | / | / | |
| 4 | AZAN / IQAMAH | / | / | / | |
| 5 | KOMPANG SELAWAT | / | | | |
| 6 | HAFAZAN DOA HARIAN (AL-M'THURAT) | / | | | |
| 7 | BUKU SKRAP | / | | | |
| 8 | SOLAT BERJEMAAH | / | | | |
| 9 | KUIZ PENDIDIKAN ISLAM | / | | / | |
| 10 | MAHRAJAN BAHASA ARAB J-QAF | / | / | / | / |

TAKWIM PROGRAM MAKDIS YANG TIDAK DIPERTANDINGKAN

| BIL | AKTIVITI | SEKOLAH | DAERAH | NEGERI | KEBANGSAAN |
|-----|---------------------------------|---------|--------|--------|------------|
| 1 | MAAL HIJRAH | / | / | / | |
| 2 | AIDIL FITRI | / | | | |
| 3 | AIDIL ADHA | / | | | |
| 4 | MAULIDUR RASUL | / | / | / | / |
| 5 | ISRAK MIKRAJ | / | | | |
| 6 | NISFU SYAABAN | / | | | |
| 7 | IHYA' RAMADHAN / NUZUL AL-QURAN | / | / | / | |
| 8 | BACAAN YAASIN | / | / | | |
| 9 | QIYAMULLAIL | / | | | |

TAKWIM PROGRAM MAKDIS KEMAHIRAN DAN KEROHANIAN

| BIL | AKTIVITI | SEKOLAH | DAERAH | NEGERI | KEBANGSAAN |
|-----|------------------------------|---------|--------|--------|------------|
| 1 | KHEMAH IBADAH | / | / | / | |
| 2 | KEM KEPIMPINAN ISLAM | / | / | / | / |
| 3 | KEM PEMANTAPAN AKHLAK | / | / | / | / |
| 4 | KEM BESTARI SOLAT | / | / | | |
| 5 | KEM PAFA | / | / | | |
| 6 | IHTIFAL KHATAM AL-QURAN | / | / | / | / |
| 7 | KELAB SENI KHAT TULISAN JAWI | / | / | / | |
| 8 | MIHRAJAN BAHASA ARAB | / | / | / | |
| 9 | PENGURUSAN SURAU | / | / | / | |

TAKWIM PROGRAM MAKDIS PELBAGAI

| BIL | AKTIVITI | SEKOLAH | DAERAH | NEGERI | KEBANGSAAN |
|-----|-------------------------|---------|--------|--------|------------|
| 1 | SKIM WAQAF | / | | | |
| 2 | KEMPEN MENUTUP AURAT | / | | | |
| 3 | KEMPEN MEMBERI SALAM | / | | | |

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH**TAKWIM PROGRAM MAKDIS YANG DIPERTANDINGKAN**

| BIL | AKTIVITI | SEKOLAH | DAERAH | NEGERI | KEBANGSAAN | CATATAN |
|-----|--|---------|--------|--------|------------|---------|
| 1 | MAJLIS TADARUS AL- QURAN | / | / | / | / | |
| 2 | FESTIVAL NASYID | / | / | / | / | |
| 3 | TULISAN JAWI / KHAT | / | / | / | | |
| 4 | AZAN / IQAMAH | / | / | / | | |
| 5 | KOMPANG SELAWAT | / | / | / | | |
| 6 | MARHABAN / BERZANJI | / | / | / | | |
| 7 | KUIZ PENDIDIKAN ISLAM | / | / | / | | |
| 8 | HAFAZAN DOA HARIAN -MA'THURAT | / | / | / | | |
| 9 | BUKU SKRAP | / | / | | | |
| 10 | MENULIS DAN MENYAMPAI KHUTBAH | / | / | | | |
| 11 | IHTIFAL BAHASA ARAB | / | / | / | / | |

**TAKWIM PROGRAM MAKDIS YANG TIDAK
DIPERTANDINGKAN**

| BIL | AKTIVITI | SEKOLAH | DAERAH | NEGERI | KEBANGSAAN | CATATAN |
|-----|---|---------|--------|--------|------------|---------|
| 1 | MAAL HIJRAH | / | / | / | / | |
| 2 | AIDIL FITRI | / | | | | |
| 3 | AIDIL ADHA | / | | | | |
| 4 | MAULIDUR RASUL | / | / | / | | |
| 5 | ISRAK MIKRAJ | / | | | | |
| 6 | NISFU SYAABAN | / | | | | |
| 7 | IHYA' RAMADHAN / NUZUL AL- QURAN | / | / | / | | |
| 8 | BACAAN YAASIN | / | | | | |
| 9 | QIYAMULLAIL | / | / | | | |

TAKWIM PROGRAM MAKDIS KEMAHIRAN DAN KEROHANIAN

| BIL | AKTIVITI | SEKOLAH | DAERAH | NEGERI | KEBANGSAAN | CATATAN |
|-----|---------------------------------|---------|--------|--------|------------|---------|
| 1 | KEM SMART SOLAT (M) | / | / | / | / | |
| 2 | KHEMAH IBADAH | / | | | | |
| 3 | KEM KEPIMPINAN ISLAM | / | | | | |
| 4 | KEM PEMANTAPAN AKHLAK | / | / | / | | |
| 5 | KURSUS PENGURUSAN JENAZAH | / | | | | |
| 6 | KEM PAFA | / | | | | |

TAKWIM PROGRAM MAKDIS PELBAGAI

| BIL | AKTIVITI | SEKOLAH | DAERAH | NEGERI | KEBANGSAAN | CATATAN |
|-----|-------------------------|---------|--------|--------|------------|---------|
| 1 | GOTONG ROYONG PERDANA | / | | | | |
| 2 | SKIM WAQAF | / | / | / | | |
| 3 | KEMPEN MENUTUP AURAT | / | | | | |
| 4 | KEMPEN MEMBERI SALAM | / | | | | |
| 5 | USRAH / TAZKIRAH JUMAAT | / | | | | |

9. PERLAKSANAAN PROGRAM DAN AKTIVITI MAKDIS

Program dan Aktiviti MAKDIS dilaksanakan secara berperingkat melalui J/K yang ditubuhkan di peringkat Kebangsaan, Negeri, Daerah dan Sekolah.

9.1 J/K MAKDIS Induk Peringkat Kebangsaan

| | |
|-------|---|
| 9.1.1 | J/K ini membincangkan dan memutuskan perkara dasar mengenai program-program yang dilaksanakan peringkat kebangsaan, negeri daerah dan sekolah seperti MTQS, Festival Nasyid, Ikhtifal SMKA, AKMK PI, Dakwah Kepimpinan, Khemah Ibadat, Ikhtiar peperiksaan dan hari-hari kebesaran Islam. |
| 9.1.2 | J/K Pusat juga mengelola dan mengatur takwim dan program MAKDIS peringkat pusat. |
| 9.1.3 | Semua perkara yang berkaitan dengan dakwah di kalangan pelajar dibincang dalam J/K ini. |
| 9.1.4 | Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun |
| 9.1.5 | Menyelaras semua program dan aktiviti di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan sekolah. |
| 9.1.6 | Menyalurkan Waran peruntukan ke negeri-negeri untuk membiayai program dan aktiviti yang dirancang. |

9.2 J/K MAKDIS NEGERI

| | |
|-------|--|
| 9.2.1 | Melaksanakan program dan aktiviti yang ditetapkan oleh j/k pusat mengikut takwim aktiviti yang ditentukan. |
| 9.2.2 | Mengelola dan menyelia segala program di peringkat negeri. |
| 9.2.3 | Memastikan semua program yang ditentukan dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar sama ada di peringkat negeri, daerah dan sekolah. |
| 9.2.4 | Menyalurkan kewangan di peringkat daerah dan sekolah. |

9.3 J/K MAKDIS Daerah

| | |
|-------|---|
| 9.3.1 | Melaksanakan program dan aktiviti yang diputuskan oleh peringkat negeri berdasarkan takwim yang ditentukan. |
| 9.3.2 | Memantau dan memastikan aktiviti berjalan lancar. |
| 9.3.3 | Membuat Post Mortem dan mencadangkan penambahbaikan |
| 9.3.4 | Menyediakan Laporan Dokumentasi. |

9.4 J/K MAKDIS Sekolah

| | |
|-------|---|
| 9.4.1 | Melaksanakan program yang diputuskan dari Peringkat Negeri dan Daerah berdasarkan takwim. |
| 9.4.2 | Menyediakan laporan untuk dihantar ke PPD. |

9.5 Untuk melaksana dan mengambil tindakan di atas aktiviti dan program adalah seperti berikut :

| Bil | Perkara | Tugas | Tindakan |
|-------|---------------------------------|--|--------------------|
| 9.5.1 | Pengurusan | Dasar, Syarat, Bajet Kertas cadangan pelaksanaan | JAPIM |
| | | J/K Induk | SPPIM |
| | | J/K Pelaksana | UPIM |
| | | Anggaran Perbelanjaan | Panitia |
| | | Laporan / Dokumentasi | |
| 9.5.2 | Perlaksanaan Aktiviti / Program | Dilaksanakan oleh J/K | |
| | | J/K Perlaksana Kebangsaan | Negeri Tuan Rumah |
| | | J/K Perlaksana Negeri | Daerah Tuan Rumah |
| | | J/K Perlaksana Daerah | Sekolah Tuan Rumah |
| | | J/K Perlaksana Sekolah | GP/PK/Panitia |

| | | | |
|-------|-------------------------|---|--------------------|
| 9.5.3 | Penyeliaan / Pemantauan | Dilakukan melalui J/K mengikut peringkat tersebut | |
| | | Peringkat Kebangsaan | JAPIM |
| | | Peringkat Negeri | SPPIM |
| | | Peringkat Daerah | UPIM |
| | | Peringkat Sekolah | GB/GPK/KP |
| 9.5.4 | Penilaian | Menilai Pengurusan Aktiviti dan pencapaian Peserta mengikut peringkat melalui post mortem bagi tiap peringkat | |
| | | Peringkat Kebangsaan | JAPIM |
| | | Peringkat Negeri | SPPIM |
| | | Peringkat Daerah | UPIM |
| | | Peringkat Sekolah | Panitia |
| 9.5.5 | Dokumentasi | Menyediakan laporan berbentuk hard Copy dari mula aktiviti hingga tamat mengikut peringkat | |
| | | Peringkat Kebangsaan | SPPIM |
| | | Peringkat Negeri | UPIM |
| | | Peringkat Daerah | Sekolah Tuan Rumah |
| | | Peringkat Sekolah | Panitia |
| 9.5.6 | Penambah-baikkan | Penambahbaikan di buat berdasarkan penilaian dan cadangan dari mesyuarat Post Mortem bagi tiap-tiap peringkat J/kuasa Induk | |
| | | Peringkat Kebangsaan | SPPIM |
| | | Peringkat Negeri | UPIM |
| | | Peringkat Daerah | Sekolah Tuan Rumah |
| | | Peringkat Sekolah | Panitia |


10. TAKWIM PENGURUSAN AKTIVITI TAHUNAN MAKDIS SEKOLAH RENDAH / MENENGAH :

Berikut dinyatakan contoh-contoh aktiviti yang perlu dimasukkan dalam takwim.

| BULAN | PERKARA | AKTIVITI | CATATAN |
|----------|---|---|---------|
| Januari | <ol style="list-style-type: none"> Hari kebesaran Islam Mesyuarat. Majlis Tadarus al-Quran Kegiatan kebajikan. Kem Pengukuhan kerohanian. | <ul style="list-style-type: none"> Sambutan hari kebesaran Islam mengikut kesesuaian masa. Melantik AJK, menyelaraskan dan menyusun aktiviti. Melaksana aktiviti Majlis Tadarus al-Quran, hafazan, syarahan dan bercerita kisah al-Quran Gotong-royong Kem Bestari solat | |
| Februari | <ol style="list-style-type: none"> Hari kebesaran Islam. Usrah/majlis ilmu. Kempen kesedaran. Kegiatan kebajikan. | <ul style="list-style-type: none"> Sambutan hari kebesaran Islam mengikut kesesuaian masa. Tema: Profesional sebagai ibadah. Kempen salam. Program wakaf buku | |
| Mac | <ol style="list-style-type: none"> Hari kebesaran Islam. Pengukuhan Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA). Festival nasyid. Kegiatan kebajikan. Kem Pengukuhan kerohanian. | <ul style="list-style-type: none"> Sambutan hari kebesaran Islam mengikut kesesuaian masa. Halaqah bacaan dalam solat/wirid Pertandingan nasyid antara kelas. Gotong-royong. Kem Bestari solat. | |
| April | <ol style="list-style-type: none"> Kem Pengukuhan rohani. Majlis ilmu/usrah. Aktiviti kokurikulum merentas kurikulum (AKMK). | <ul style="list-style-type: none"> Program pemantapan aqidah. Tema: Budaya ilmu. Aktiviti menjawab teks rumi. | |

| | | | |
|-----------|---|--|--|
| Mei | <ol style="list-style-type: none"> Hari kebesaran Islam. Kem Pengukuhan kerohanian. | <ul style="list-style-type: none"> Sambutan hari kebesaran Islam mengikut kesesuaian masa. Kem pemantapan akhlak. | |
| Jun | <ol style="list-style-type: none"> Hari kebesaran Islam. Pengukuhan Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA). Kegiatan kebajikan. Kem kesedaran. Kem Pengukuhan kerohanian. | <ul style="list-style-type: none"> Sambutan hari kebesaran Islam mengikut kesesuaian masa. Amali wuduk.. Kutipan derma anak yatim. Kempen menutup aurat. Kem Bestari solat. | |
| Julai | <ol style="list-style-type: none"> Kem Pengukuhan kerohanian. Majlis ilmu/usrah. Pengukuhan Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA). | <ul style="list-style-type: none"> Kursus pengurusan jenazah. Tema: Mengurus tekanan. Amali solat. | |
| Ogos | <ol style="list-style-type: none"> Aktiviti kokurikulum merentas kurikulum (AKMK). Kem kesedaran. Hari kebesaran Islam. | <ul style="list-style-type: none"> Pertandingan kumpang. Kempen menepati masa. Sambutan hari kebesaran Islam mengikut kesesuaian masa. | |
| September | <ol style="list-style-type: none"> Kem Pengukuhan kerohanian. Hari kebesaran Islam. Kempen kesedaran. Aktiviti kebajikan. Kem Pengukuhan kerohanian | <ul style="list-style-type: none"> Majlis bacaan surah yassin dan solat hajat. Sambutan hari kebesaran Islam mengikut kesesuaian masa. Kulipan derma Kem Bestari Solat | |
| Oktober | <ol style="list-style-type: none"> Hari kebesaran Islam. Kem Pengukuhan kerohanian. Majlis ilmu/usrah. | <ul style="list-style-type: none"> Sambutan hari kebesaran Islam mengikut kesesuaian masa. Majlis bacaan surah Yaasin dan solat hajat. Tema : Muhasabah | |

11. CARTA PENGURUSAN AKTIVITI TAHUNAN MAKDIS SEKOLAH RENDAH / MENENGAH



12. PENUTUP

Adalah diharapkan buku panduan ini akan dapat membantu menyelaraskan dan menyusun aktiviti MAKDIS selaras dengan hasrat Bahagian Dakwah dan Kepimpinan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) Kementerian Pelajaran Malaysia.